

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

## RM1 sejak 45 tahun lalu

Oleh AIMAN ALI  
aiman.ali@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan dicadang menaikkan caj rawatan hospital awam daripada RM1 yang dikenakan sejak 45 tahun lalu kepada kadar lebih munasabah, disebabkan kos perubatan yang semakin mahal.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar perubatan kesihatan awam dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, sudah tiba masa kerajaan mempertimbang cadangan menaikkan caj rawatan hospital awam kepada antara RM5 hingga RM10.

"Sudah banyak kajian dilakukan. Dengan kenaikan ini juga rakyat akan lebih cakna dalam menjaga kesihatan mereka," katanya.

Bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah dalam hantaran di X sebelum ini, berkongsi gambar resit caj rawatan perubatan bagi warganegara pada 1979 yang sehingga kini masih kekalkan RM1.

**Bersambung di muka 3**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## RM1 sejak 45 tahun lalu

### Dari muka 1

Dalam gambar tersebut memaparkan rawatan yang dikenakan berharga RM1 melibatkan perkhidmatan X-ray dan pemeriksaan kesihatan.

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan mencadangkan kepada Parlimen supaya bayaran perkhidmatan penjagaan kesihatan awam dinaikkan untuk golongan kaya.

ia supaya isi rumah berpendapatan tinggi membayar perkhidmatan itu mengikut kemampuan kewangan mereka berdasarkan Kertas Putih Kesihatan (HWP) yang pada mulan-

ya dijadualkan dibentangkan oleh bekas Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa pada 14 Jun 2023.

Mengulas lanjut Dr. Zainal Ariffin berkata, kenaikan caj rawatan hospital bagaimanapun tidak boleh dilakukan secara drastik.

"Kenaikan perlu dibuat secara bersasar dan berperingkat. Perkara itu perlu mempunyai mekanisme untuk semua golongan rakyat sebagai contoh mekanisme insurans kesihatan negara," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua Ikram Health Malaysia, Dr. Mohd. Afiq Mohd. Nor berkata,

caj rawatan RM1 adalah simbolik kepada Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab memberikan rawatan kepada rakyat dan bukannya digunakan untuk menampung kos rawatan.

"Namun, hasil daripada caj rawatan RM1 ini tetap akan menyumbang kepada tanggungan kos dalam penambahbaikan perkhidmatan, fasiliti perawatannya dan juga kebajikan staf.

"Terdapat banyak aspek yang perlu dipertimbangkan sebelum mengekalkan caj RM1 atau menaikkan caj tersebut supaya ia refleksi kepada nilai kos rawatan yang diberikan kepada pesakit dan nilai kerja-kerja staf kementerian yang *overwork* dengan tu-

gasan harian mereka.

"Kos rawatan yang semakin tinggi sekarang pula boleh membebankan kerajaan untuk menampung sepenuhnya, seterusnya menjejaskan perkembangan perkhidmatan, penambahbaikan hospital, fasiliti dan kemudahan, serta kebajikan staf," katanya.

Beliau yang juga pakar perubatan kecemasan Pusat Perubatan Universiti Malaya (UM) berkata, jika ia perlu dinaikkan, ia perlu dilakukan secara ber-sasar diahului dengan usaha reformasi tatakelola pentadbiran dan pengurusan lebih cekap.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : VIEWS

COVID-19 is in the news again due to a recent surge in the number of cases in Singapore. What one should understand is that Covid-19 is an endemic disease that will circulate in the population till the day when it will hopefully disappear as mysteriously as it appeared. Now that interest in this disease has resurfaced, there will be an increase in reported cases, as people may be testing themselves once again when they experience symptoms of upper respiratory tract infection (URTI). Naturally, the discussion will

## Be wary amid resurgence of Covid-19

include the need to get booster doses of Covid-19 vaccines. A word of caution here, though. Do not be taken in by anyone offering booster doses for a price. There is only one vaccine still available in this country, and it is based on an early variant of the virus. As far as I know, there is no vaccine for the latest variants available in this country. Be wary of treatments being offered as well. These may have

possible serious side effects or be only effective in taking money out of your wallet!

There are other URIs of viral origin that should be considered, including Influenza A and B, which can be just as debilitating as Covid-19, if not more, at this current time.

Do take note that there are annual vaccines available for the prevention of Influenza A and B. More important is the need to

adopt precautions to prevent the spread of any URIs, and that is to wear a face mask if exhibiting symptoms of the illness, avoid crowded places, practise frequent washing of hands, and etc. These practices will also help to keep such viruses at bay.

**DR KOH KAR CHAI**  
President,  
Manipal Alumni Association  
Malaysia